



Potret Khazanah Gemilang dilancar

BH - 7/6/2007

MURID sekolah sekitar Kuala Lumpur, dari kiri, Siti Zubaidah Halimon, 12, Sumitharsiny, 11, Jay Anil Singh Shemar, 12, Muhd Azrul Mohd Azahar, 12, dan Sara Kok Truong Linh, 10, melihat secara dekat Potret Khazanah Gemilang sempena 50 tahun Kemerdekaan selepas dilancarkan Timbalan Menteri Pelajaran, Datuk Noh Omar, di Perangsang Templer Golf Club di Taman Templer, semalam. Pelancaran Potret Khazanah Gemilang yang memuatkan potret lima Perdana Menteri

bersesuaian dengan sambutan 50 tahun kemerdekaan negara. Potret itu memberi peluang kepada generasi muda mengenali Perdana Menteri negara ini dan mengambil iktibar daripada pengorbanan serta pembangunan yang dilakukan mereka. Ia juga bertujuan mewujudkan semangat patriotik di kalangan masyarakat, terutama remaja supaya cintakan negara dan melahirkan rakyat yang mempunyai kesedaran dalam mengekalkan perpaduan.